

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1998/99**

**OGOS/SEPTEMBER 1998**

**RMT 553 -Pengurusan Projek II**

**Masa: 3 jam**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

1. "Konsep sistem menyediakan satu rangkakerja yang luas untuk memahami organisasi. Pandangan kontingensi cenderung kepada lebih konkrit dan lebih menekan kepada ciri-ciri dan bentuk saling berhubungan antara subsistem-subsistem." Bincangkan dengan merujuk kepada industri binaan.

(25 markah)

2. (a) Apakah yang dimaksudkan oleh sempadan organisasi?
- (b) Pilih satu organisasi tertentu dan bincangkan daya-daya dalam persekitaran am dan tugas yang mempengaruhinya.
- (c) Terangkan bagaimanakah persekitaran mempengaruhi bentuk organisasi?

(25 markah)

3. (a) Apakah struktur organisasi? Bagaimanakah ia berbeza dari struktur sistem fizikal dan biologikal?
- (b) Bagaimanakah mungkin bagi sesebuah organisasi itu mencapai lebih pembezaan dan integrasi yang lebih berkesan?
- (c) Bentuk struktur yang manakah (stabil-mekanistik atau penyesuaian-organik) yang sepatutnya digunakan oleh syarikat-syarikat binaan dan mengapa?

(25 markah)

...2/-

- 2 -

4. (a) Takrifkan kepimpinan dan kaitkan dengan system pengaruh dan pengurusan.
- (b) Banding dan bezakan gaya kepimpinan 'autokratik' demokratik dan 'laissez-faire'.
- (c) Gaya kepimpinan yang manakah patut digunakan oleh seseorang pengurus projek dalam mengurus projek binaan dan mengapa.

(25 markah)

5. (a) Bagaimanakah prestasi organisasi di ukur?
- (b) Bagaimanakah prestasi organisasi dan prestasi pengurusan berkait?
- (c) Terangkan konsep pengurus sebagai 'pusat saraf'. Mengapakah peranan ini penting kepada prestasi projek?

(25 markah)

6. "Suatu sistem yang melakukan sesuatu fungsi atau bergerak dengan sesuatu cara akan terus bergerak dalam cara demikian tanpa mengambilkira keperluan dan perubahan keadaan". Bincangkan.

(25 markah)

-ooo00ooo-

. . . . 3/-